

Dr Mahathir bekal senjata ke Bosnia

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan Malaysia terlibat membekalkan senjata ringan kepada pejuang Islam Bosnia-Herzegovina menentang pencerobohan pengganas Serb seperti dilaporkan oleh Cable News Network (CNN), hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Jika ada mana-mana pihak yang membekalkan senjata ke Bosnia, yang pasti ia bukan Malaysia. Kita tidak tahu menahu perkara ini."

Beliau berkata, CNN mungkin tersalah anggap kerana Malaysia ada menghantar senjata kepada lebih 1,500 anggota

askar yang menyertai Pasukan Perlindungan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unprofor) di Bosnia.

"Tetapi kita ada menghantar askar di sana. Mungkin sebab kita membekalkan tentera dengan senjata, itu saja.

"Kita tidak menjalankan perniagaan senjata," katanya ketika mengulas laporan CNN, selepas merasmikan Institut Jerman-Malaysia (GMI) di Taman Shamelin, Cheras di sini, hari ini.

Laporan yang disiarkan oleh CNN hari ini mendakwa Malaysia, Turki dan Iran membekalkan senjata kepada pejuang Islam Bosnia.

Dr Mahathir juga dita-

nya mengenai bantahan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak, terhadap keputusan kerajaan menghantar Cuepacs yang mewakili negara ke persidangan ke-81 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva.

Beliau berkata, MTUC seharusnya menerima keputusan kerajaan memilih Cuepacs sebagai wakil kesatuan sekerja negara ini ke ILO.

"MTUC harus menerima sistem bergilir-gilir di antara MTUC dan Cuepacs ke persidangan itu.

"Jadi, apabila sampai giliran pihak lain (Cuepacs), dia (MTUC) patut terima," katanya.